

Shah Alam: Puluhan tong berisi sisa buangan kimia gliserin yang ditemui di kawasan tanah lapang bersebelahan Sungai Klang di Kampung Kandan Dalam Puchong dialihkan kontraktor dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, semalam.

Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) dalam satu kenyataan, semalam berkata, tong berkenaan dialihkan bagi mengelakkan bahan berkenaan memasuki aliran Sungai Klang.

Kenyataan itu berkata, UPBN Selangor membuat pemantauan darat dan udara di lokasi kejadian tumpahan

Elak bahan kimia masuk Sungai Klang

bahan buangan sisa kimia dan mendapati ada tumpahan bahan kimia gliserin yang diletakkan di sebuah kawasan lapang itu.

"Susulan itu, JPS melantik kontraktor untuk mengalihkan sebahagian tong yang terletak berhampiran sungai.


"Kerja pengalihan tong berkenaan dijalankan dengan bantuan kren dan dibuat bagi mengelakkan berlaku

tumpahan sisa kimia itu ke dalam Sungai Klang," katanya.

Pada masa sama, UPBN turut menampal notis tanpa tempoh di kawasan binaan haram itu.

"Kawasan berkenaan kini selamat dan terkawal," katanya.

Berdasarkan rakaman dibuat dron milik UPBN Selangor, berpuluh-puluh tong itu dikesan diletakkan di tebing Sungai Klang selain kelihatan sisa dipercayai daripada industri pembinaan turut ada di tebing sungai berkenaan.



UPBN bersama JPS memindahkan tong yang mengandungi sisa kimia gliserin di Kampung Kandan Dalam Puchong.

Kawasan berkenaan kini selamat dan terkawal